

## **Hari Informasi KUIS 2016 untuk bakal siswa**

**November 1, 2016**

**OLEH HAFIZAN TAIB (<https://selangorkini.my/2016/11/hari-informasi-kuis-2016-untuk-bakal-siswa/>)**

BANGI, 1 NOV: Hari Informasi KUIS 2016 memberi ruang kepada bakal pelajar mendapat maklumat lengkap berhubung pengajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di sini.

Program dijalankan di perkarangan kolej itu pada Sabtu dan Ahad ini bakal dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung.

Pengarah program, Mokhtar Ismail, berkata KUIS menganjurkan program itu bagi memastikan pelajar tidak mendapat tempat menyambung pengajian diberi ruang berbuat demikian.

“Terdapat pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung antaranya kaunter informasi daripada Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Falkulti Sains dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Pendidikan.

“Selain itu terdapat juga kaunter Pusat Asasi, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Teras, Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Kaunter Tajaan, Kaunter Yayasan KUIS untuk sumbangan zakat dan wakaf serta kaunter KUISCELL menawarkan kursus jangka pendek,” katanya.

Selain itu, katanya, program sampingan turut disediakan antara Klinik Bacaan Al-Fatihah, Aplikasi Smart Solat, Ceramah Motivasi, Tayangan Video, Pemeriksaan Kesihatan, Khidmat Guaman Syarie dan Berkayak.

“Dengan adanya Hari Informasi KUIS 2016 ini bakal pelajar akan mendapat maklumat bagi membantu membuat keputusan dalam pemilihan program sesuai mengikut kelayakan akademik yang ada,” katanya.